

Mangsa terperangkap berada dalam ketakutan, kelaparan

26 Disember 2014 2:14 AM

Sebahagian daripada mangsa banjir terpaksa mendayung sampan untuk berpindah di Kampung Guchil, Kuala Krai, Kelantan, semalam.

KUALA KRAI 25 Dis. – Lebih 400 mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan Banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Manek Urai, dekat sini berada dalam keadaan ketakutan dan kelaparan apabila bangunan itu ditenggelami air sehingga tingkat tiga, awal pagi semalam. Walaupun cemas dan lapar, semua mangsa tidak dapat berbuat apa-apa kecuali naik berlindung di tingkat empat bangunan sekolah terbabit.

Sebelum itu, mereka berlindung di tingkat tiga sejak pukul 4 pagi, namun terpaksa bergegas naik ke tingkat empat kira-kira sejam kemudian apabila paras air naik dengan cepat ekoran hujan lebat berterusan. Salah seorang mangsa, Jepri Anuar, 59, berkata, sebelum kejadian, dia berasa tidak sedap hati sehingga tidak dapat melelapkan mata kerana bimbang keselamatan diri dan keluarga.

Katanya, pada pukul 4 pagi, suasana bertukar riuh-rendah apabila orang ramai mula kelam-kabut mengemaskan barang-barang sebelum berpindah naik ke tingkat tiga.

“Saya terus beritahu isteri dan tiga anak kami supaya mengemas barang dan menyertai yang lain naik ke atas. Kami semua takut melihat paras air semakin naik sehingga menenggelamkan tingkat dua dan tiga.

“Pada masa sama, kami terpaksa berlapar kerana bekalan makanan pula sudah habis. Kira-kira pukul 12 tengah hari, barulah ada bot pasukan penyelamat tiba untuk memindahkan kami,” katanya ketika ditemui di pusat pemindahan Dewan Pasar Sri Guchil, di sini hari ini.

Sementara itu, di Pondok Sungai Durian, kira-kira 200 penduduk terperangkap dan terpaksa bermalam di situ.

Menurut jurucakap bomba, pasukan keselamatan tidak dapat memindahkan mangsa kerana bot mereka kehabisan bekalan minyak.

“Turut terperangkap ialah sekumpulan penduduk yang kini berlindung di tingkat tiga bangunan SMK Sungai Durian yang kini dinaiki air sehingga tingkat dua.

“Kami sekarang sedang menunggu bantuan bekalan sampai,” katanya.

Ketika berita ini ditulis, wartawan Utusan Malaysia, Zaain Zin dan jurugambar, Jazaly Amry Jaafar turut terperangkap di kawasan berhampiran Sungai Durian bersama sekumpulan anggota bomba.

- See more at: <http://www.utusan.com.my/berita/nahas-bencana/mangsa-terperangkap-berada-dalam-ketakutan-kelaparan-1.41036#sthash.rBkJGL32.dpuf>